

Universiti Selangor (UNISEL) merupakan Universiti swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kami menawarkan pelbagai program pengajian di Kampus Shah Alam dan Bestari Jaya. Sesuai dengan perkembangan yang pesat, kami mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut.

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENTADBIRAN UNIVERSITI SELANGOR

**JAWATAN : JURUUKUR BAHAN (J41)
JURUTEKNIK PENGHAWA DINGIN (J17)**

BIL	JABATAN	JAWATAN	KAMPUS	STATUS
1.	Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP)	Juruukur Bahan (J41)	Bestari Jaya / Shah Alam	Kontrak
2.		Juruteknik Penghawa Dingin (J17)	Shah Alam	Kontrak

RINGKASAN JAWATAN

Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP), Universiti Selangor ingin melantik Juruukur Bahan (J41) **Kampus Bestari Jaya / Kampus Shah Alam** dan Juruteknik Penghawa Dingin (J17) **Kampus Shah Alam** bagi mengisi kekosongan jawatan dan keperluan yang terdapat di jabatan dengan kelayakan akademik seperti berikut:

SYARAT KELAYAKAN :

1. Juruukur Bahan (J41)

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur 23 tahun ke atas pada tarikh lantikan jawatan;
3. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Juruukur Bahan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
4. Pengalaman bekerja melebihi tiga (3) tahun dalam bidang Juruukur Bahan atau yang setaraf dengannya;
5. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
6. Memiliki Kad Hijau (CIDB) merupakan satu kelebihan.

2. Juruteknik Penghawa Dingin (J17)

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur lingkungan 23 sehingga 35 tahun pada tarikh lantikan jawatan;

3. Memiliki minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Diploma atau Sijil dalam bidang Penyaman Udara dan Elektrik atau kelayakan yang setaraf dengannya;
 4. Permohonan terbuka kepada lelaki sahaja dan calon mestilah sihat tubuh badan;
 5. Mempunyai pengetahuan asas penggunaan komputer (Microsoft Word dan Microsoft Excel);
 6. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman atau kemahiran dalam bidang mekanikal / penyaman udara dan elektrikal; dan
 7. Mempunyai kemahiran dalam bidang elektrikal merupakan satu kelebihan.
-

TATACARA MEMOHON

- a) Calon yang berminat hendaklah mengemukakan Borang Permohonan beserta gambar berukuran *passport* terkini, sijil-sijil yang telah disahkan dan *Resume (CV)* yang mengandungi maklumat berikut :-
 - i. Maklumat peribadi termasuk nombor kad pengenalan, keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon dan email untuk dihubungi;
 - ii. Maklumat pendidikan dan pengalaman kerja;
 - iii. Anugerah dan hadiah yang diterima di mana-mana peringkat termasuk di peringkat Antarabangsa;
 - iv. Sumbangan-sumbangan kepada komuniti masyarakat / penduduk setempat / kariah dan sebagainya.
- b) Permohonan hendaklah dihantar terus melalui pos ke alamat berikut :

Pengarah Pentadbiran & Sumber Manusia
Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan
Kampus Bestari Jaya
45600 Bestari Jaya, Selangor

Tel : 03-3280 5058 / 03-3280 5077

Sila tulis nama jawatan dipohon di bahagian atas sebelah kanan sampul surat.
- c) Tarikh akhir penerimaan borang permohonan adalah pada atau sebelum **13 Oktober 2023**.
- d) Lain-lain:
 - i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
 - ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan pada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
 - iii) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.